

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN CHE MOHAMAD
ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 22 MAC 2016

SOALAN :

**YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta PERDANA
MENTERI menyatakan sama ada bercadang untuk menambah lebih
banyak Pusat PERMATA Kurnia dalam membantu menyediakan program
pra-sekolah bagi kanak - kanak autisme di seluruh negara.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat PERMATA Kurnia merupakan salah satu program di bawah Bahagian PERMATA. Ianya adalah khusus bagi menyediakan perkhidmatan pra-sekolah dan intervensi awal untuk kanak-kanak yang mengalami autisme berumur 2 hingga 7 tahun.

Pusat ini mula beroperasi pada Disember 2015 dan boleh menampung seramai 300 orang kanak-kanak autisme.

Pusat PERMATA Kurnia ini juga adalah merupakan sebuah projek perintis dan keberkesanannya akan dikaji terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan dibuat untuk memperluaskan penubuhannya.

Sekian, terima kasih.